



Menara jam Mekah terima sentuhan 18 anak muda Malaysia

KOSMO 2/4/2012 MS10

KUALA LUMPUR – Malaysia tidak tandus anak muda berbakat yang dihargai dunia luar dan antara buktinya dapat dilihat pada Menara Hotel Jam Diraja Mekah atau Abraj Al-Bait yang mendapat sentuhan 18 anak muda negara ini.

Seorang daripada mereka ialah Hairul Nizam Baharuddin yang merupakan pengurus projek di Syarikat Premier Composite Technology yang berpangkalan di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu.

Hairul Nizam berkata, semua anak Malaysia terbabit mahir dan berpengalaman daripada segi kejuruteraan binaan dan terlibat sepenuhnya dalam kerja pemasangan menara jam tersebut.

“Ini termasuk kerja pemasangan replika bulan sabit pada menara jam yang terletak berhadapan Masjidil Haram,” kata anak kelahiran Melaka ketika ditemui sewaktu pulang bercuti baru-baru ini.

Katanya, semasa proses pemasangan bulan sabit, berlaku tiupan angin kencang dan pada masa itu ada enam anak buahnya sedang melakukan kerja pemasangan di ketinggian 500 meter dari tanah.

“Dalam keadaan itu, kabel yang membawa bahagian bulan sabit berpusing-pusing dan kita boleh agak kabel boleh putus. Keadaan sangat panik tetapi ada seorang anak buah saya yang lebih berpengalaman, berjaya mengawal keadaan dan pemasangan tersebut berjalan lancar,” katanya.

Hairul Nizam berkata, pembinaan menara jam itu menggunakan bahan komposit iaitu sejenis fiber dan tidak banyak syarikat yang mempunyai kepakaran serta teknologi mengenai bahan tersebut selain kosnya yang tinggi.

“Komposit ini satu bahan fiber yang berstruktur kukuh tetapi ringan, tahan lama dan tidak mudah bocor serta ia boleh bertahan sehingga 20 tahun tanpa sebarang penyelenggaraan berbanding aluminium yang murah dan berkemungkinan berlaku kebocoran dalam tempoh dua atau tiga tahun,” katanya.

Katanya, di Malaysia terdapat beberapa buah kubah masjid yang dibina menggunakan bahan tersebut iaitu Masjid Putrajaya, Masjid Wilayah dan Masjid Al-Bukhari, Kedah. “Memang membanggakan kerana

dapat bersama tenaga pakar lain melakar sejarah di tanah suci,” katanya.

Hairul Nizam berkata, menara jam bernilai kira-kira RM9 bilion itu dijangka siap sepenuhnya tahun ini dan kini sudah 90 peratus siap.

Mengenai cabaran yang dihadapi, katanya, masalah komunikasi menjadi halangan terbesar kerana rata-rata pekerja di sana tidak fasih berbahasa Inggeris.

“Saya berharap dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, saya dapat kembali ke tanah air dan berbakti di sini pula,” katanya.

Menara jam setinggi 601 meter dan berdiameter 46 meter itu merupakan yang tertinggi dan terbesar di dunia mengatasi menara jam terkenal lain seperti Palace of Culture and Science di Warsaw, Poland dan Big Ben di London.

Menara jam itu dikatakan boleh dilihat dari jarak sehingga 17 kilometer pada waktu malam dan 12 kilometer pada waktu siang manakala cahaya daripada dua juta lampu LED berkerlipan setiap kali azan berkumandang dan boleh dilihat dari jarak 28 kilometer pada waktu malam. - Bernama

MENARA Hotel Jam Diraja Mekah atau Abraj Al-Bait mendapat sentuhan 18 anak muda dari Malaysia.